

**Nasional**

# Veteran tentera, Orang Asli dilantik renjer hidupan liar

Penugasan pasukan liputi lokasi panas di taman negara, hutan simpanan kekal

Oleh Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Lipis:** Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (BP3) bagi melindungi khazanah hutan negara kini diperkukuh dengan penyertaan 150 veteran tentera dan Orang Asli sebagai renjer hidupan liar.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata, penugasan pasukan itu meliputi lokasi panas di kawasan taman negara, rizab hidupan liar, taman negeri, hutan simpanan kekal (HSK) dan tapak RAMSAR di Semenanjung.

Beliau berkata, sebagai permulaan 100 veteran tentera dan 50 Orang Asli dilantik selepas masing-masing menamatkan latihan asas 10 hari yang bermula 20 Jun lalu, dengan lantikan dibuat secara kontrak.



**Dr Shamsul Anuar menyampaikan watikah** pada majlis penyampaian watikah pelantikan renjer hidupan liar di Taman Negara Sungai Relau Merapoh, semalam. (Foto BERNAMA)

“Selain bayaran perkhidmatan bulanan, mereka turut menerima elaun dan kemudahan bertugas rasmi sepanjang berkhidmat membantu tugas kawalan sempadan dan *smart patrolling* di taman negara, rizab hidupan liar, hutan simpanan kekal dan pos kawalan sempadan.

“Saya yakin pengalaman dan kepakaran mereka dapat meningkatkan keberkesanan penguat-

kuasaan bagi membanteras pencerobohan, pembalakan haram dan pemburuan hidupan liar.

“Selain itu, ia juga dapat membuka peluang pekerjaan kepada golongan veteran tentera dan Orang Asli terbabit,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian watikah pelantikan sebagai renjer hidupan liar di Taman Negara Sungai Relau di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim.

Shamsul Anuar berkata, untuk kelompok pertama ini, mereka akan ditempatkan di Taman Negara di Pahang, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang dan Endau-Rompin Johor; selain di Royal Belum di Perak serta di tiga rizab hidupan liar iaitu di Sungai di Perak, Sungai Dusun di Selangor dan Kuala Krau di Pahang.

Antara kursus dijalani mereka ialah pengurusan hidupan liar, pengurusan sempadan, latihan ikhtiar hidup dan asas penggunaan peralatan navigasi dan komunikasi.

Beliau berkata, pelaksanaan BP3 yang bermula secara rasmi pada 16 Jun lalu adalah kesinambungan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang sebelum ini membabitkan pelbagai agensi termasuk Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, polis dan badan bukan kerajaan (NGO).

Sepanjang OBK hingga 31 Disember tahun lalu, katanya sebanyak 36 kes dikesan membabitkan 82 individu ditahan, dengan 460 jerat pelbagai jenis untuk menangkap binatang liar turut dimusnahkan.